- 2.2.1 Calon Sarjana yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda dengan PNGK 3.67 dan ke atas boleh memohon pertukaran ke program Doktor Falsafah tertakluk kepada syarat-syarat pada Perkara 20.

2.3 Keperluan Bahasa (Calon Antarabangsa)

- 2.3.1 Semua calon antarabangsa mesti memenuhi syarat minimum keperluan bahasa Inggeris mengikut program seperti yang berikut:

No	Program	TOEFL	IBT/ IBT HOME EDITION *IBT - Internet Based Toefl	IELTS	MUET	CAMBRIDGE ENGLISH QUALIFICATIONS AND TESTS
1	Kewangan	600	79	6.5	Band 4	176
2	Perubatan / Farmasi / Sains Kesihatan	550	60	6.0	Band 4	169
3	Pengurusan Perniagaan	550	60	6.0	Band 4	169
4	Perakaunan	550	46	5.5	Band 4	160
5	Undang-undang	600	60	6.0	Band 4	169
6	Sains Komputer	550	60	6.0	Band 4	169
7	Bahasa Inggeris	600	60	6.0	Band 4	169
8	Lain-lain	500	42	5.0	Band 3	154

2.4 Pengecualian untuk IELTS/ TOEFL adalah bagi mereka yang:

- 2.4.1 memperoleh ijazah dari negara berikut yang menggunakan bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan mereka; Anguilla, Antigua & Barbuda, Australia, Bahamas, Barbados, Bermuda, Botswana, British Indian Ocean Territory, British Virgin Islands, Cameroon, Canada, Cayman Island, Dominica, Falkland Island, Federated States of Micronesia, Fiji, Gambia, Ghana, Gibraltar, Grenada, Guam, Guernsey, Guyana, India, Ireland, Isle of Man, Jamaica, Jersey, Kenya, Kiribati, Lesotho, Liberia, Madagascar, Malta, Marshall Islands, Mauritius, Montserrat, Namibia, Nauru, New Zealand, Nigeria, Pakistan, Palau, Papua New Guinea, Philippines, Rwanda, Saint Helena, Saint Kitts & Nevis, Saint Lucia, Saint Vincent and the Grenadines, Samoa, Seychelles, Sierra Leone, Singapore, Soloman Islands, South Georgia and the South Sandwich Islands, Sri Lanka, Sudan, Swaziland, Tanzania, Trinidad & Tobago, Turks & Caicos Islands, U.S Virgin Islands, Uganda, United Kingdom, USA, Zambia, dan Zimbabwe.
- 2.4.2 Bagi negara yang tidak tersenarai pada perkara 2.4.1 akan diberi pertimbangan khas untuk pengecualian IELTS/TOEFL jika mendapat pengesahan daripada negara asal.

- 2.4.3 memperoleh ijazah dari mana-mana institusi Pengajian Tinggi Malaysia yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.
  - 2.4.4 menulis tesis dalam bahasa Melayu atau bahasa Arab.
- 2.5 Keperluan bahasa Inggeris tertakluk kepada semua calon antarabangsa yang mendaftar dalam semua program pascasiswazah.

### **3.1 PENDAFTARAN**

#### 3.1 Pendaftaran Semester Pertama

- 3.1.1 Surat tawaran akan dikeluarkan oleh Pusat Pengajian Siswazah kepada semua calon yang berjaya. Surat tawaran hanya sah selama ENAM (6) bulan dari tarikh dikeluarkan.
- 3.1.1 Calon mesti mendaftar mengikut syarat yang dinyatakan dalam surat tawaran menggunakan Borang Pendaftaran Semester.
- 3.1.2 Calon dikehendaki mematuhi semua syarat yang dinyatakan dalam surat tawaran.
- 3.1.3 Calon yang tidak mendaftar dalam tempoh yang ditetapkan mesti mengisi Borang Penangguhan Pendaftaran Calon Baharu.
- 3.1.4 Tawaran akan TERBATAL sekiranya calon gagal mendaftar dalam tempoh yang ditetapkan (6 bulan) tanpa menyerahkan Borang Penangguhan Pendaftaran Calon Baharu.
- 3.1.5 Calon yang surat penawarannya telah terbatal di bawah perkara 3.1.5 perlu membuat permohonan semula.

#### 3.2 Pendaftaran Semester Berikutnya

- 3.2.1 Semua calon dikehendaki mendaftar setiap semester dan yuran mesti dibayar sebelum pendaftaran. Calon yang gagal berbuat demikian TIDAK DIBENARKAN mendaftar.
- 3.2.2 Calon boleh mendaftar secara dalam talian pada masa yang ditetapkan sepertimana dinyatakan dalam notis pendaftaran melalui Portal Pelajar.
- 3.2.3 Calon yang gagal mendaftar dalam tempoh EMPAT (4) minggu daripada tarikh pendaftaran perlu mengemukakan rayuan dan dikenakan denda sebanyak RM200.00 oleh universiti.
- 3.2.4 Calon yang gagal mendaftar dalam DUA (2) semester berturut-turut akan ditamatkan pengajian serta-merta.

### 3.3 Pendaftaran Bagi Calon Yang Telah Menyerahkan Tesis Untuk Pemeriksaan

- 3.3.1 Calon yang telah mengemukakan tesis mereka untuk pemeriksaan tetapi belum menduduki Peperiksaan Lisan (*Viva Voce*) masih perlu mendaftar.
- 3.3.2 Tiada bayaran dikenakan kepada calon jika mereka menyerahkan tesis dalam tempoh EMPAT (4) minggu setelah bermulanya semester.

## 4. KEPERLUAN PROGRAM ATAU KURSUS

- 4.1 Sebagai syarat bergraduat, calon mesti mengikuti dan lulus kursus Metodologi Penyelidikan.
- 4.2 Calon mesti lulus kursus Metodologi Penyelidikan anjuran Pusat Pengajian Siswazah sebelum dibenarkan membuat pembentangan kertas cadangan penyelidikan.
- 4.3 Pengecualian diberikan kepada calon yang telah mengikuti kursus Metodologi Penyelidikan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh UniSZA dalam tempoh LIMA (5) tahun sebelum pendaftaran.
- 4.4 Bagi kemasukan Semester I, Sesi 2020/2021, calon perlu menerbitkan artikel yang berkaitan dengan tesis sepanjang tempoh pengajian sebagai Pengarang Utama atau *Corresponding Author*:

#### 4.4.1 Bagi calon Doktor Falsafah:

- i. 2 artikel berindeks Scopus/ ISI atau;
- ii. 1 artikel berindeks Scopus/ ISI dan 2 artikel lain-lain indeks

#### 4.4.2 Bagi calon Sarjana:

- i. 1 artikel berindeks Scopus/ ISI atau;
- ii. 2 artikel artikel lain-lain indeks

## 5. KEBERADAAN/ KEPERLUAN PEMASTAUTIN

Calon antarabangsa mesti hadir secara fizikal di kampus sekurang-kurangnya 30 hari dalam setahun kecuali dalam keadaan luar dari kebiasaan yang diprakerui oleh pihak universiti.

## **6. PENANGGUHAN PENGAJIAN**

- 6.1 Permohonan penangguhan mesti dibuat dengan menghantar Borang Penangguhan / Tarik Diri dari Pengajian.
- 6.2 Permohonan penangguhan semester semasa, mesti dibuat dalam tempoh EMPAT (4) minggu dari tarikh pendaftaran dengan alasan yang munasabah.
- 6.3 Permohonan penangguhan melebihi EMPAT (4) minggu pendaftaran, atas sebab kesihatan atau alasan lain yang munasabah, boleh dipertimbangkan dan tertakluk kepada kelulusan Pusat Pengajian Siswazah.
- 6.4 Calon yang memohon penangguhan pengajian atas sebab kesihatan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan sijil perubatan daripada hospital kerajaan atau klinik panel universiti.
- 6.5 Permohonan untuk menangguhkan pengajian hanya dibenarkan untuk tempoh SATU (1) semester sahaja. Walau bagaimanapun, calon boleh memohon untuk menangguhkan maksimum DUA (2) semester dan ia tertakluk kepada kelulusan Pusat Pengajian Siswazah.
- 6.6 Semasa penangguhan, calon dikategori sebagai pelajar tidak aktif sehingga calon mendaftar semula pengajiannya.
- 6.7 Calon yang menangguhkan pengajian tidak dibenarkan menjalankan segala urusan berkaitan akademik dan menggunakan kemudahan makmal/studio di Universiti.

## **7. PENARIKAN DIRI**

- 7.1 Calon boleh menarik diri dari pengajiannya pada bila-bila masa sepanjang semester dengan menghantar Borang Penangguhan / Tarik Diri dari Pengajian.
- 7.2 Calon yang menarik diri dari pengajian dalam tempoh EMPAT (4) minggu semester bermula akan dikembalikan semula semua yuran kecuali yuran pendaftaran.
- 7.3 Visa pelajar antarabangsa yang menarik diri akan ditamatkan.

## **8. PEMBERHENTIAN CALON**

- 8.1 Pihak Senat Universiti boleh menamatkan pengajian calon pada bila-bila masa apabila calon:
  - 8.1.1 melanggar mana-mana peraturan atau peraturan Universiti;
  - 8.1.2 memberikan maklumat palsu semasa pendaftaran atau sepanjang tempoh pengajian;
  - 8.1.3 melakukan salah laku akademik dan tata tertib;
  - 8.1.4 melebihi semester maksimum yang ditetapkan;

- 8.1.5 gagal menjelaskan yuran pengajian atau pembayaran lain dalam masa yang ditetapkan;
  - 8.1.6 melakukan tindakan lain yang bertentangan dengan peraturan dan undang-undang Universiti;
  - 8.1.7 memperoleh keputusan yang tidak memuaskan (TM) dalam Laporan Kemajuan Penyelidikan (LKP) selama DUA (2) semester berturut-turut.
- 8.2 Calon yang gagal mendaftar DUA (2) semester berturut-turut akan dikeluarkan dari pengajian.
- 8.3 Calon yang ditamatkan pengajian boleh mengemukakan rayuan dengan mengisi Borang Rayuan ke atas Pemberhentian dalam tempoh DUA (2) minggu dari tarikh penamatan.

## 9. TEMPOH PENGAJIAN

- 9.1 Calon perlu memenuhi tempoh minimum pengajian dari tarikh pendaftaran hingga tarikh penyerahan borang Notis Penyerahan Tesis.

Peringkat Pengajian	Sepenuh Masa		Separuh Masa	
	Minimum	Maksimum	Minimum	Maksimum
Sarjana	2 semester (1 tahun)	8 semester (4 tahun)	4 semester (2 tahun)	10 semester (5 tahun)
Doktor Falsafah	4 semester (2 tahun)	10 semester (5 tahun)	6 semester (3 tahun)	14 semester (7 tahun)

- 9.2 Tempoh *Graduate on Time* (GOT) untuk program Sarjana adalah DUA (2) tahun dan untuk program Doktor Falsafah adalah EMPAT (4) tahun dari tarikh pendaftaran (Semester 1) hingga tarikh kelulusan Senat untuk status layak bergraduat.

## 10. TESIS

- 10.1 Penulisan tesis mesti menepati format yang ditetapkan oleh pihak Universiti.
- 10.2 Jumlah bilangan patah perkataan untuk tesis Doktor Falsafah tidak melebihi 80,000 patah perkataan, manakala tesis Sarjana tidak melebihi 50,000 patah perkataan. Jumlah patah perkataan tidak termasuk maklumat seperti senarai rujukan, nota kaki, petikan, lampiran, ringkasan, dan gambar rajah.
- 10.3 Bagi calon bidang pendidikan, minimum patah perkataan bagi tesis Doktor Falsafah adalah 80,000 – 100,000 patah perkataan manakala tesis Sarjana adalah 50,000 – 60,000 patah perkataan.

- 10.4 Calon yang tesisnya melebihi jumlah patah perkataan yang telah ditetapkan mesti mendapat kebenaran bertulis daripada Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti / Institut sebelum menghantar tesis.
- 10.5 Tesis boleh ditulis dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris, atau bahasa Arab bergantung pada bidang pengajian calon, tertakluk kepada kelulusan bertulis daripada Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti / Institut.
- 10.6 Semua tesis dan hasil penyelidikan menjadi hak milik Universiti.

## **11. PENYELIAAN**

11.1 TIGA (3) jenis Penyeliaan yang ditawarkan kepada calon:

- 11.1.1 Penyeliaan Individu – Seorang penyelia utama.
- 11.1.2 Penyeliaan Bersama – Seorang penyelia utama dan seorang penyelia bersama.
- 11.1.3 Jawatankuasa Penyeliaan – Seorang penyelia utama dan dua atau lebih penyelia bersama.

11.2 Kriteria Pelantikan Penyelia

11.2.1 Kriteria untuk melantik penyelia pada peringkat Sarjana adalah seperti berikut:

- iv. Staf akademik dengan Ijazah Doktor Falsafah; atau
- v. Staf akademik dengan Ijazah Sarjana dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya TIGA (3) tahun dalam penyelidikan dan penerbitan; atau
- vi. Staf akademik dengan Ijazah Sarjana dan mempunyai sekurang-kurangnya LIMA (5) tahun pengalaman dalam mengajar atau sebagai penyelia bersama.

**\* Syarat:**

Calon penyelia telah mengikuti kursus penyeliaan oleh Universiti, atau setaraf dari institusi lain yang diiktiraf.

11.2.2 Kriteria untuk melantik penyelia peringkat Doktor Falsafah adalah seperti berikut:

- iv. Staf akademik dengan Ijazah Doktor Falsafah pengalaman minimum DUA (2) tahun dalam pengajaran atau penyelidikan; atau
- v. Staf akademik yang memperolehi Ijazah Doktor Falsafah, atau setaraf, dengan pengalaman kurang daripada DUA (2) tahun dalam pengajaran boleh dilantik sebagai penyelia utama; atau



- vi. Staf akademik dengan pengalaman LIMA (5) tahun, dengan rekod prestasi yang baik, dalam bidang kepakaran tertentu tetapi tidak mempunyai Ijazah Doktor Falsafah, boleh dilantik sebagai penyelia utama atau penyelia bersama.

**\* Syarat:**

Calon penyelia telah mengikuti kursus penyeliaan oleh Universiti, atau setaraf dari institusi lain yang diiktiraf.

### 11.3 Pelantikan Penyelia

- 11.3.1 Calon boleh menamakan penyelia utama tetapi pelantikan penyelia adalah tertakluk kepada sokongan daripada Fakulti / Institut.
- 11.3.2 Calon boleh menamakan penyelia bersama dengan cadangan dari penyelia utama dengan mengisi Borang Pelantikan Penyelia Bersama. Keputusan adalah tertakluk kepada sokongan daripada Fakulti / Institut.
- 11.3.3 Untuk penyeliaan individu, penyelia mestilah staf akademik tetap dan merupakan anggota Fakulti / Institut di tempat calon didaftarkan.
- 11.3.4 Staf akademik yang bukan dari Fakulti / Institut di tempat calon didaftarkan boleh dilantik sebagai penyelia utama berdasarkan kepakarannya.
- 11.3.5 Staf kontrak boleh dilantik sebagai penyelia utama, dengan syarat staf tetap mesti dilantik sebagai penyelia bersama.
- 11.3.6 Penyelia industri boleh dilantik sebagai penyelia bersama, dengan syarat staf akademik dari Universiti dilantik sebagai penyelia utama.
- 11.3.7 Penyelia tidak boleh mempunyai hubungan peribadi / keluarga dengan calon yang diselia.
- 11.3.8 Penyelia utama tidak boleh mempunyai hubungan peribadi / keluarga terdekat dengan penyelia bersama.
- 11.3.9 Staf akademik yang sedang cuti belajar sepenuh masa tidak boleh menyelia calon.

### 11.4 Pertukaran/ Pengguguran Penyelia Utama/ Penyelia Bersama

- 11.4.1 Calon boleh untuk memohon pertukaran penyelia utama dengan mengisi Borang Permohonan Pertukaran. Sokongan daripada Fakulti / Institut dan kelulusan daripada Pusat Pengajian Siswazah adalah diperlukan.
- 11.4.3 Calon juga boleh memohon pertukaran/pengguguran penyelia bersama dengan cadangan daripada penyelia utama dengan mengemukakan Borang Permohonan Pertukaran. Sokongan

daripada Fakulti / Institut dan kelulusan daripada Pusat Pengajian Siswazah adalah diperlukan.

## **12. LAPORAN KEMAJUAN PENYELIDIKAN (LKP)**

- 12.4 Laporan kemajuan penyelidikan calon akan dinilai pada setiap semester oleh Penyelia Utama melalui e-Laporan Kemajuan Penyelidikan. Calon akan diberikan keputusan Memuaskan (M) atau Tidak Memuaskan (TM) berdasarkan penilaian oleh Penyelia Utama.
- 12.5 Hasil laporan kemajuan calon boleh didapati secara dalam talian di portal pelajar.
- 12.6 Sekiranya calon mendapat keputusan TIDAK MEMUASKAN (TM) selama DUA (2) semester berturut-turut, pencalonannya ditamatkan serta-merta.

## **13. PERTUKARAN BENTUK PENDAFTARAN**

- 13.1 Calon antarabangsa tidak tertakluk kepada pertukaran bentuk pendaftaran.
- 13.2 Calon boleh memohon pertukaran bentuk pendaftaran dari Sepenuh Masa ke Separuh Masa, atau sebaliknya, dengan mengisi Borang Permohonan Pertukaran. Pemohonan ini tertakluk kepada syarat tempoh pengajian maksimum yang dibenarkan. Sokongan daripada Fakulti / Institut dan kelulusan daripada Pusat Pengajian Siswazah adalah diperlukan.
- 13.3 Pertukaran status pendaftaran hanya dibenarkan SATU (1) kali sahaja sepanjang tempoh pengajian.
- 13.4 Bagi permohonan yang dibuat semasa semester berlangsung, pertukaran akan berkuat kuasa pada semester berikutnya.

## **14. PERTUKARAN PROGRAM PENGAJIAN**

- 14.1 Calon perlu berada dalam status aktif.
- 14.2 Pertukaran disokong oleh fakulti/ insitut yang dimohon.
- 14.3 Pertukaran diluluskan oleh Pusat Pengajian Siswazah.
- 14.4 Pertukaran hanya boleh dilakukan SATU (1) kali sahaja sepanjang pengajian.

## **15. PERTUKARAN MOD PENGAJIAN**

Calon boleh mengemukakan permohonan untuk menukar mod pengajian dari Mod Penyelidikan kepada Mod Kerja Kursus atau Mod Campuran, atau sebaliknya dengan mengisi Borang Permohonan Pertukaran berdasarkan syarat berikut:

- 15.1 Permohonan hendaklah dibuat dalam tempoh EMPAT (4) minggu dari permulaan semester semasa.
- 15.2 Pertukaran hanya boleh dibuat sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian.

## **16. PERTUKARAN BIDANG PENGAJIAN**

Calon boleh memohon untuk pertukaran bidang pengajian dengan mengemukakan Borang Permohonan Pertukaran dan perlu mendapat persetujuan bersama dari pusat pengajian/fakulti asal dan pusat pengajian/ fakulti baharu.

## **17. PERTUKARAN FAKULTI**

Calon boleh memohon untuk pertukaran fakulti dengan mengemukakan Borang Permohonan Pertukaran dan perlu mendapat persetujuan bersama dari fakulti asal dan fakulti baharu.

## **18. PELANJUTAN TEMPOH PENGAJIAN**

- 18.1 Calon boleh memohon pelanjutan untuk SATU (1) semester sahaja pada satu masa dengan mengemukakan Borang Pelanjutan Tempoh Pengajian. Pemohonan ini terhad kepada DUA (2) kali pelanjutan sepanjang tempoh pengajian.
- 18.2 Permohonan perlu dibuat sekurang-kurangnya DUA (2) bulan sebelum tamat tempoh pengajian.

## **19. PERTUKARAN PERINGKAT PENGAJIAN SARJANA KE DOKTOR FALSAFAH**

- 19.1 Permohonan pertukaran peringkat pengajian dari Program Sarjana ke Program Doktor Falsafah hanya terbuka untuk calon Program Sarjana sepenuh masa dengan PNGK minimum 3.30/4.00 pada peringkat Ijazah Sarjana Muda atau setaraf.
- 19.2 Permohonan pertukaran peringkat pengajian Sarjana ke Program Doktor Falsafah perlu dihantar setelah mengikuti pengajian sekurang-kurangnya SATU (1) tahun di peringkat Sarjana.
- 19.3 Calon yang mengemukakan permohonan pertukaran mesti menerbitkan sekurang-kurangnya SATU (1) artikel jurnal berindeks ISI/Scopus berkaitan bidang penyelidikannya.
- 19.4 Calon yang memohon pertukaran peringkat pengajian kepada Doktor Falsafah mesti mengemukakan kertas cadangan penyelidikan lanjutan yang memenuhi skop kajian peringkat Doktor Falsafah dan disokong oleh penyelia utama.

- 19.5 Penyelia Utama perlu mengemukakan laporan lengkap kemajuan penyelidikan calon bagi tempoh ENAM (6) bulan terakhir.
- 19.6 Calon yang memohon pertukaran peringkat pengajian kepada Doktor Falsafah perlu membentangkan kertas cadangan penyelidikan lanjutan kepada Jawatankuasa Penilaian di fakulti/institut.
- 19.7 Jawatankuasa Penilaian perlu terdiri daripada sekurang-kurangnya TIGA (3) orang anggota iaitu:
- iii. Dekan Fakulti / Pengarah Institut / wakil yang setara sebagai Pengerusi;
  - iv. DUA (2) orang pakar bidang dalam penyelidikan berkaitan dari universiti atau institusi lain.
- 19.8 Laporan dari Jawatankuasa Penilaian yang disediakan Pengerusi Jawatankuasa mesti diterima oleh Pusat Pengajian Siswazah dalam tempoh SATU (1) bulan selepas pembentangan.

## **20. KEMASUKAN TERUS PROGRAM PhD BAGI CALON SARJANA MUDA**

- 20.1 Kemasukan terus ke program pengajian Doktor Falsafah bagi calon Sarjana Muda mesti memenuhi syarat berikut:
- 20.1.1 Calon didaftarkan sebagai pelajar Mod Penyelidikan sepenuh masa;
  - 20.1.2 Calon perlu mempunyai sekurang-kurangnya PNGK 3.67/4.00 pada peringkat Ijazah Sarjana Muda;
  - 20.1.3 Calon antarabangsa perlu memperoleh Ijazah Sarjana Muda dengan Kelas Pertama.
- 20.2 Calon perlu membentangkan kertas cadangan penyelidikan kepada Jawatankuasa Penilaian di fakulti/institut dalam tempoh SATU (1) tahun selepas pendaftaran. Jawatankuasa ini hendaklah dianggotai oleh sekurang-kurangnya TIGA (3) orang ahli iaitu:
- 20.2.1 Dekan Fakulti / Pengarah Institut / wakil yang setara sebagai Pengerusi;
  - 20.2.2 DUA (2) orang pakar bidang dalam penyelidikan berkaitan dari universiti atau institusi lain.
- 20.3 Dalam tempoh SATU (1) tahun, calon mesti:
- 20.3.1 Mempunyai minimum SATU (1) artikel yang diterbitkan atau diterima untuk diterbitkan dalam jurnal berindeks ISI/Scopus; dan

- 20.3.2 Menunjukkan kompetensi dalam menjalankan penyelidikan di peringkat Doktor Falsafah yang diperakukan oleh Penyelia Utama dan Jawatankuasa Penilaian di peringkat fakulti/institut.
- 20.4 Calon perlu memperoleh markah lulus 80% berdasarkan penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian di peringkat fakulti/institut untuk diperakukan oleh Jawatankuasa Akademik Pengajian Siswazah Universiti (JAPSU) dan diluluskan oleh Senat.
- 20.5 Calon yang tidak memenuhi syarat dikemukakan **AKAN DIBERHENTIKAN** daripada program pengajian.

## **21. NOTIS PENYERAHAN TESIS**

- 21.1 Calon yang ingin menghantar borang Notis Penyerahan Tesis mesti memenuhi syarat berikut:
- 21.1.5 Memenuhi tempoh minimum pengajian (Sarjana: SATU (1) tahun / PhD: DUA (2) tahun dari tarikh pendaftaran);
  - 21.1.6 Telah mengikuti dan lulus Kursus Metodologi Penyelidikan Universiti yang dianjurkan oleh Pusat Pengajian Siswazah, UniSZA atau institusi lain yang setara, tertakluk kepada kelulusan Dekan Pusat Pengajian Siswazah;
  - 21.1.7 Lulus pembentangan kertas cadangan penyelidikan dan penemuan kajian di peringkat fakulti/institut; dan
  - 21.1.8 Telah menerbitkan artikel yang berkaitan dengan tesis sepanjang tempoh pengajian:
    - ii. **Bagi Kemasukan Semester II Sesi 2015/2016 (Februari 2016)**

DUA (2) artikel dalam jurnal berwasit untuk Doktor Falsafah dan SATU (1) artikel dalam jurnal berwasit untuk Sarjana.
    - ii. **Bagi Kemasukan Semester I Sesi 2019/2020 (September 2019)**

DUA (2) artikel berindeks untuk Doktor Falsafah dan SATU (1) artikel berindeks untuk Sarjana. Calon mestilah sebagai Pengarang Utama atau *Corresponding Author*.
- 21.2 Tesis perlu dihantar ke Pusat Pengajian Siswazah dalam tempoh TIGA (3) bulan setelah Senat meluluskan Notis Penyerahan Tesis.

## 22. PENYERAHAN TESIS UNTUK PEMERIKSAAN

- 22.1.1 Calon perlu menyerahkan borang Penyerahan Tesis bersama TIGA (3) salinan tesis berkulit lembut kepada Pusat Pengajian Siswazah untuk tujuan peperiksaan.
- 22.1.2 Calon mesti menyerahkan laporan mengenai skor kesamaan tesis (tidak melebihi 25%) menggunakan perisian plagiarisme yang digunakan oleh Pusat Pengajian Siswazah. Laporan perlu disediakan oleh Penyelia Utama.

## 23. PENILAIAN AKHIR & PENILAIAN TESIS

- 23.1 Tesis akan diperiksa oleh Pemeriksa Dalam dan Pemeriksa Luar.
- 23.2 Setelah laporan peperiksaan dan kemajuan calon dalam Peperiksaan Lisan (*Viva Voce*) dinilai, Jawatankuasa Peperiksaan akan memaklumkan salah satu keputusan berikut kepada calon:
  - 23.2.7 Lulus tanpa pembedaan (tidak melebihi SATU (1) bulan untuk penghantaran tesis); atau
  - 23.2.8 Lulus dengan pembedaan kecil (tidak melebihi TIGA (3) bulan untuk membuat pembedaan); atau
  - 23.2.9 Lulus dengan pembedaan sederhana (tidak melebihi ENAM (6) bulan untuk membuat pembedaan); atau
  - 23.2.10 Lulus dengan pembedaan besar (tidak melebihi SEMBILAN (9) bulan untuk membuat pembedaan); atau
  - 23.2.11 Ulang Peperiksaan Lisan (*Reviva*) (minimum ENAM (6) bulan dan maksimum DUA BELAS (12) bulan untuk dihantar semula); atau
  - 23.2.12 Gagal.
- 23.3 Kegagalan menghadiri Peperiksaan Lisan (*Viva Voce*) tanpa pemakluman awal dan tanpa alasan kukuh kepada Pusat Pengajian Siswazah akan menyebabkan calon gagal.
- 23.4 Selepas Peperiksaan Lisan (*Viva Voce*), Pusat Pengajian Siswazah akan memaklumkan secara bertulis keputusan Peperiksaan Lisan (*Viva Voce*) berdasarkan laporan oleh Pengerusi dan Jawatankuasa Peperiksaan.
- 23.5 SATU (1) salinan tesis yang telah diperbaiki dijilid, dan disahkan oleh Pemeriksa Dalam dan/atau Pemeriksa Luar, mesti dihantar ke Pusat Pengajian Siswazah bersama dengan borang Pengesahan Pembedaan Tesis.

- 23.6 Calon yang memerlukan lanjutan masa untuk pembetulan atau penyerahan semula, perlu menulis surat kepada Dekan Pusat Pengajian Siswazah sekurang-kurangnya EMPAT BELAS (14) hari sebelum tarikh akhir penyerahan tamat.
- 23.7 Pusat Pengajian Siswazah perlu memaklumkan keputusan permohonan lanjutan kepada calon.

## **24. PENANGGUHAN *VIVA VOCE***

Calon yang mempunyai masalah kesihatan atau kecemasan sebelum/semasa Peperiksaan Lisan (*Viva Voce*) boleh memohon penangguhan secara bertulis kepada Dekan Pusat Pengajian Siswazah.

## **25. RAYUAN KEPUTUSAN *VIVA VOCE***

- 27.1 Hanya calon yang gagal *Viva Voce* boleh merayu.
- 27.2 Rayuan hendaklah dikemukakan kepada Dekan Pusat Pengajian Siswazah dalam tempoh 30 hari selepas tarikh *Viva Voce* pertama.
- 27.3 Rayuan calon akan dibawa kepada Jawatankuasa Rayuan Universiti.
- 27.4 Keputusan rayuan adalah muktamad.

## **26. PENYERAHAN TESIS BERJILID**

26.1 Calon hendaklah menyerahkan EMPAT (4) salinan tesis berkulit keras kepada Pusat Pengajian Siswazah bersama dengan:

- 26.1.1 DUA (2) salinan CD-ROM tesis secara format PDF;
- 26.1.2 Borang Perakuan Status Tesis yang khusus untuk calon tempatan atau calon antarabangsa;
- 26.1.3 Borang Perakuan Tesis Untuk Dijilid; dan
- 26.1.4 Borang Penyerahan Tesis Akhir.

26.2 Proses untuk mendapatkan kelulusan Senat akan dibuat setelah semua syarat pada 26.1 dipenuhi.

## **27. PENGANUGERAHAN IJAZAH**

- 27.1 Ijazah akan diberikan kepada calon yang telah:
  - 27.1.1 Memenuhi semua syarat tamat pengajian yang ditetapkan;
  - 27.1.2 Menyelesaikan semua yuran dan caj lain yang dikenakan (jika ada); dan
  - 27.1.3 Tesisnya telah diluluskan oleh Senat.
- 27.2 Ijazah yang dianugerahkan boleh ditarik balik sekiranya calon didapati melanggar Artikel 61 Perlembagaan UniSZA.